

TR 8:10:71

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
MEMBACA AL QURAN ANGKATAN TENTERA
DI STADIUM ANGKATAN TENTERA, KUALA
LUMPUR, PADA 30^{HB} OKTOBER, 1971

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Ibrahim, Saudara-saudara
sekelian.

Saya turut sama-sama bersyukur ke hadzrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan izinNya kita semua dapat berhimpun di
sini malam ini menyambut Bulan Ramadhan yang mulia ini dengan
mengadakan Pertandingan Membaca Kitab suci Islam Al Quran.

Sebagai umat Islam, amatlah kena pada tempatnya kita menam-
bah ibadat dengan memuliakan Al Quran mengingat pada bulan
Ramadhan inilah pada masa dahulu Allah Subhanahu Wata'ala
mengutuskan suruhannya, Jibrail Alaihisalam, menyampaikan ayat
Quran yang pertama kepada Junjungan kita Nabi Muhammad
s.a.w. semasa beliau sedang beribadat di Gua Harak.

Saudara-saudara sekelian,

Saya sungguh berbesar hati kerana Angkatan Tentera merupakan
satu-satunya kumpulan di negara ini yang pertama kali mengada-
kan pertandingan seperti ini dua puluh tahun yang lalu. Meskipun
pada waktu itu keadaan darurat di dalam negeri sedang me-
muncak, dan keganasan komunis berleluasa di serata tempat.
Angkatan Tentera telah memulakan langkah yang baik ini untuk
menarik minat orang-orang kita terhadap Al Quranul Karim.
Dengan cara itu dapat mendekatkan orang-orang kita dengan
ugama sambil mengingatkan mereka kepada ancaman pengganas
Kominis yang tidak berperikemanusiaan itu.

Kita sesungguhnya bersyukur ke hadzrat Allah, kerana dengan
ketabahan hati dan taat setia yang ditunjukkan oleh anggota-
anggota Angkatan Tentera, ancaman dari musuh-musuh negara
itu dapat dipatahkan. Kebanyakan daripada anasir-anasir jahat
itu telah dihapuskan dan saki bakinya dihalau keluar dari negeri

ini. Dalam hal ini Kerajaan dan juga rakyat amat terhutang budi kepada angkatan tentera kita kerana jasa-jasa mereka yang tidak ternilai itu.

Saudara-saudara sekalian,

Pada masa ini pun Angkatan Tentera kita sedang menjalankan tugas dengan penuh khidmat mengawal keselamatan negara dan mengekalkan ketenteraman, khasnya di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand dan di Sarawak/Kalimantan Indonesia.

Kerajaan menghargai sepenuhnya khidmat bakti yang diberikan oleh mereka itu kerana dengan pengorbanan mereka itulah kita sekalian dapat menikmati suasana aman tenteram untuk menjalankan kerja sehari-hari.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Angkatan Tentera kita atas kejayaan-kejayaan gemilang yang mereka capai dalam gerakan-gerakan membasmi penganas-penganas komunis itu. Dengan kejayaan-kejayaan seperti ini, saya yakin kita akan dapat memulihkan keadaan dalam negeri supaya rakyat semua boleh menjalankan kehidupan masing-masing.

Saya suka menyebutkan di sini bahawa Kerajaan akan terus membaiki keadaan anggota-anggota Angkatan Tentera kita. Ini akan dijalankan bagi seluruhnya, meliputi golongan pegawai dan juga rank-and-file. Berhubung dengan ini, satu Jawatankuasa telah pun diarahkan untuk mengkaji keadaan tanggagaji seluruh Angkatan Tentera kita. Saya ingin melihat anggota-anggota Angkatan Tentera menikmati keadaan hidup yang wajar bagi mereka dan juga keluarga-keluarga mereka. Dengan demikian, mereka dapat menjalankan kewajipan mereka dengan penuh minat pula.

Begitu juga berkenaan dengan askar-askar yang akan bersara, saya telah memberikan arahan iaitu anggota-anggota Angkatan Tentera hanya boleh disarakan setelah mereka mendapat persediaan-persediaan latihan yang mencukupi bagi memulakan hidup baru di lapangan awam, samada dalam perkhidmatan Kerajaan mahu pun di bidang swasta. Sudah tentu latihan ini akan mengambil masa yang lebih panjang daripada latihan-latihan yang diberikan pada masa yang lalu barangkali untuk tempuh lapan

belas bulan. Dengan demikian, anggota-anggota tentera yang akan bersara benar-benar mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh mereka untuk memasuki lapangan hidup baru. Langkah ini dirasakan perlu supaya bekas anggota tentera mendapat jaminan yang tegas dan pekerjaan yang tertentu apabila tamat tempuh perkhidmatan mereka. Ini adalah cara yang sebaik-baiknya bagi menampung bekas anggota tentera kita yang telah berbakti sekian banyak kepada bangsa dan negara.

Seperti saya katakan tadi, kita semua terhutang budi kepada mereka atas jasa-jasa mereka mempertahankan tanah air yang dicintai ini dan Kerajaan akan berbuat apa yang boleh bagi membalas jasa-jasa mereka itu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka hendak menyentuh sedikit tentang Rancangan Lima Tahun Kedua yang sedang berjalan sekarang ini. Sepertimana yang kita semua tahu, Rancangan ini bolehlah disifatkan sebagai usaha raksaksa yang bertujuan hendak mengubah bukan saja corak hidup rakyat tetapi juga mengubah corak masyarakat di negara kita ini. Matlamat yang paling penting dalam Rancangan ini ialah hendak membawa sebahagian dari kaum Bumiputra kita, yang pada amnya bergantung hidup pada pertanian, masuk ke lapangan perdagangan dan perindustrian.

Saya telah menerangkan kepada orang-orang Melayu kita khususnya bahawa usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ini hanya akan berjaya kalau mereka menerimanya dengan penuh kesedaran dan insaf bahawa inilah sebenar-benar jaminan untuk anak cucu mereka akan datang. Resmi orang-orang kita yang masih berpegang pada qadha' dan qadar hendaklah diubah segera serta cara pemikiran hendaklah disesuaikan dengan keadaan zaman masa ini.

Dengan kata-kata lain, adalah mustahak bagi orang-orang kita, baik yang diam di kampung mahupun di bandar, mengubah sikap hidup yang mudah memulangkan segala-galanya kepada nasib dan takdir tanpa berbuat sesuatu untuk cuba mengatasi masalah-masalah hidup mereka.

Dalam hubungan ini, Al Quran pun ada menyebut "Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kalau kaum itu sendiri tidak mengubah dirinya". Jadi yang nyata pada hemat saya, apa yang

diperlukan oleh orang-orang kita hari ini ialah mengubah sikap hidup mereka, menyesuaikan aliran fikiran mereka menurut aliran zaman. Orang-orang kita yang diam di kampung tidaklah patut hidup terus dalam keadaan "kais pagi makan pagi" kerana Kerajaan membukakan seberapa banyak peluang bagi sesiapa juga yang sanggup menyambungnya.

Menurut rancangan-rancangan yang ada, kita akan membuka kawasan-kawasan tanah baru beratus ribu ekar, kita akan membawa industri ke bandar-bandar yang selama ini ketinggalan di lapangan itu, membuat jalan-jalan raya baru, pelabuhan-pelabuhan baru, kompleks pelancungan dan berbagai lagi. Keperluan tenaga akan dipenuhi dengan mengadakan latihan-latihan kemahiran, dan di samping itu Kerajaan akan membantu sesiapa yang berminat serta sanggup menjalankan perdagangan besar dan kecil. Semua peluang yang dibuka ini ialah untuk kebaikan rakyat.

Tetapi, dalam semua hal ini, mustahaklah kita bersungguh-sungguh dan menumpukan perhatian penuh kepada satu-satu usaha yang kita pilih itu. Kita hendaklah ingat kejayaan tidak dapat dicapai dalam sehari, hanya berkat tekun dan usaha barulah dapat kita mengecap nikmat dari hasil usaha kita itu.

Pendek kata, biarlah bersusah dulu tetapi dengan keyakinan atas kebolehan kita, apa yang diusahakan itu pasti berjaya. Orang tua-tua pun ada berkata "Berakit-berakit dahulu, berenang-berenang kemudian, bersusah dahulu dan bersenang kemudian".

Saya percaya anggota-anggota Angkatan Tentera yang mempunyai disiplin tentulah tidak susah menyesuaikan diri mereka dengan kehendak-kehendak dalam lapangan hidup baru kelak. Selanjutnya mereka boleh menjadi contoh tauladan kepada orang ramai asal saja mereka mempunyai keazaman dan kesanggupan untuk mencapai hasil-hasil dari sebarang lapangan kerja yang mereka pilih.

Kita semestinya ingat bahawa adalah menjadi kewajipan setiap orang memberikan persediaan yang cukup untuk anak-anak mereka iaitu pelajaran dan sedikit sebanyak harta hasil dari titik peluh kita sendiri.

Inilah yang kita lihat kalau balik ke kampung-kampung yang dulunya mewah dan makmur kerana orang tua-tua dulu ingin

menjamin kehidupan untuk anak cucu di masa akan datang, membuka sawah dan ladang untuk diwariskan kepada kita hari ini. Begitu pula, adalah menjadi kewajiban kita hari ini menyediakan tapak kebahagiaan hidup untuk kita dan untuk keturunan-keturunan akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al Quran Angkatan Tentera dan mengucapkan tahniah atas kejayaan usaha mereka itu.

Tidak ketinggalan saya menyatakan ucapan tahniah kepada Qari-qari dan Qariah-qariah yang berjaya dalam Pertandingan ini, semoga kejayaan itu akan menjadi perangsang dan dorongan mereka mendapatkan kedudukan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Sekian, saya sudahi dengan Assamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.